



SEKTOR RUNCIT : KEDAI GUNTING RAMBUT

**SEKTOR:****PERUNCITAN (KEDAI GUNTING)****Merangkumi****Kedai Gunting Rambut****Aktiviti Tidak Dibenarkan**

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Meliputi SOP untuk 9 Jun 2020 sehingga dimaklumkan kemudian
3. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa

| | Waktu Dibenarkan | Waktu Operasi | Kapasiti (%) |
|--|-------------------------|----------------------|---------------------|
| | 7 pagi – 10 malam | 7 pagi – 10 malam | 50 |

Aktiviti & Protokol

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|-----------------------|---|
| Notifikasi Perniagaan | <ul style="list-style-type: none"> i. Pemakluman mulakan Aktiviti atau Perniagaan kepada Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian |
| Persekutuan Premis | <ul style="list-style-type: none"> i. Sanitasi premis perniagaan menggunakan cecair pencuci dengan kandungan natrium hipoklorit seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) ii. Sanitasi dilakukan setiap hari iii. Tempat duduk pelanggan hendaklah dibersihkan setiap kali selepas digunakan iv. Penyaman udara dengan tingkap / pintu terbuka untuk membolehkan pengaliran udara v. Penggunaan kipas sekiranya penghawa dingin ditutup vi. Lantai mesti dibersihkan setiap potongan rambut pelanggan vii. Peralatan untuk memotong dan merawat rambut mestilah dibersihkan |
| Kakitangan & Pekerja | <ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan kesihatan untuk kakitangan / pekerja (suhu tidak boleh melebihi 37.5°C) ii. Pekerja / Kakitangan yang mempunyai gejala kurang sihat tidak dibenarkan masuk ke dalam premis iii. Taklimat kesihatan dilakukan secara berkala sebelum mulakan perniagaan iv. Tukang gunting rambut mesti menggunakan topeng muka, pelindung muka, sarung tangan dan apron pakai buang semasa memotong rambut pelanggan v. Menetapkan jadual kerja untuk memastikan penjarakan sosial di kawasan operasi perniagaan kerana hanya 50% tenaga kerja dibenarkan buat masa ini |

Aktiviti Khusus**9 Jun 2020 (tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat)**

- i. Memotong rambut shaja dibenarkan
- ii. Hanya penjualan produk rambut dibenarkan

Aktiviti Sempena Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) akan dimaklumkan selepas 10 Jun 2020

Tarikh: 08/06/2020 | m.s 2

**SEKTOR:****PERUNCITAN (KEDAI GUNTING RAMBUT)****Merangkumi****Kedai Gunting Rambut****Aktiviti Tidak Dibenarkan**

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Meliputi SOP untuk 9 Jun 2020 sehingga dimaklumkan kemudian
3. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa

| | Waktu Dibenarkan | Waktu Operasi | Kapasiti (%) |
|--------------------------------|--|----------------------|---------------------|
| 7 pagi – 10 malam | 7 pagi – 10 malam | 50 | |
| Aktiviti & Protokol | | | |
| Tindakan | Penerangan Ringkas | | |
| Pelanggan | <ul style="list-style-type: none"> i. Pelanggan akan diberi penerangan mengenai langkah dan prosedur pencegahan di premis perniagaan ii. Pelanggan perlu bersetuju dengan langkah-langkah kesihatan dan mengisi maklumat kesihatan iii. Pelanggan mesti menggunakan topeng muka iv. Pelanggan akan dibekalkan dengan apron pakai buang v. Pelanggan diwajibkan menggunakan penutup telinga sekiranya penyembur rambut digunakan pada rambut basah vi. Menyediakan sabun antibakteria atau hand sanitizer untuk pelanggan mencuci / membersihkan tangan mereka vii. Gunakan semburan nyahkuman tanpa alkohol untuk nyahkuman badan (opsyen) | | |
| Penjarakan Sosial | <ul style="list-style-type: none"> i. Premis perlu menentukan dan menyatakan dengan jelas jumlah pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa untuk memenuhi keperluan penjarakan sosial berdasarkan keluasan premis ii. Susun atur tempat duduk, dengan jarak 2 meter antara tempat duduk untuk tujuan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter seperti dalam rajah yang dilampirkan iii. Menyediakan tempat duduk siluar premis untuk pelanggan yang menunggu giliran (bagi premis yang kecil) dengan penjarakan sosial bagi mereka yang mempunyai janji temu 30 minit berikutnya iv. Kanak-kanak bawah 12 tahun mesti diiringi oleh ibu bapa/penjaga v. Warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dibolehkan dengan mengikut waktu yang ditetapkan oleh pengusaha kedai gunting rambut | | |
| Rekod dan Platform Digital | <ul style="list-style-type: none"> i. Pelanggan digalakkan membuat tempahan atau janji temu terlebih dahulu ii. Pelanggan tanpa telefon pintar disarankan untuk mencatat nama, no.telefon & suhu badan iii. Pembayaran secara digital adalah digalakkan iv. Pendaftaran Qmunity untuk Pemilik Perniagaan (jika ada) v. COVID Trace untuk pelanggan (pendaftaran manual jika tiada) | | |

